

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	20 August 2015

Bahtera mantapkan usahawan bumiputera

Oleh **MOHD. ASRON MUSTAPHA**
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 19 OGOS**

SEGALA usaha, perancangan serta dasar strategik akan digembeling untuk melahirkan komuniti usahawan bumiputera yang bukan sahaja teguh tetapi mantap agar berupaya bersaing dalam pasaran global.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, perkara itu akan menjadi antara fokus terpenting kerajaan dalam membangunkan ekonomi, selepas kejayaan melahirkan golongan kelas pertengahan bumiputera.

Katanya, ketika ini walaupun

sudah wujud ramai usahawan bumiputera yang berjaya, tetapi kebanyakannya masih bergantung kepada sokongan kerajaan untuk bersaing dalam pasaran mencabar di peringkat antarabangsa.

“Harapan saya akan terbina kelas usahawan bumiputera yang teguh dan mantap. Kita telah berjaya mewujudkan kelas pertengahan menerusi dasar sosial yang diperkenalkan sehingga lahirnya ramai tenaga profesional bumiputera.

“Ketika ini walaupun sudah berjaya lahirkan usahawan bumiputera tetapi tidak sepenuhnya. Masih belum sampai kepada bilangan yang cukup kukuh,” katanya semasa berucap melancarkan program Bumipreneur of Tomorrow (Bahtera) di sini hari ini.

Yang turut hadir, beberapa menteri Kabinet, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah.

Menurut Najib yang juga Menteri Kewangan, Malaysia kini berada pada pusingan terakhir sebelum sasaran negara maju menjelang 2020 tercapai, sekali gus menuntut usaha lebih gigih untuk memastikan ekonomi bumiputera kukuh.

“Sebab itu kerajaan memperkenalkan pelbagai program baharu antaranya Majlis Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera dan memperkasakan badan-badan sedia ada seperti Majlis Amanah Rakyat (Mara) dan Tekun Nasional,” katanya.

Bercakap mengenai Bahtera,

Um - 20/8/2015

Perdana Menteri berkata, program hasil inisiatif Kementerian Kewangan itu akan menjadi salah satu teras baharu kepada kerajaan untuk melonjakkan kekuatan ekonomi usahawan bumiputera.

Beliau yang mahu usahawan bumiputera memanfaatkan sepenuhnya program Bahtera berkata, melalui rangkaian niaga yang disatukan di bawah satu pangkalan data, para usahawan kini boleh membuat pemasaran jenama secara lebih mudah.

“Kita juga berharap kepercayaan serta sikap saling membantu sesama usahawan bumiputera yang merupakan salah satu daripada faktor kekuatan ekonomi bangsa lain dapat diperkukuhkan di samping bantuan sedia ada kerajaan,” katanya.